

Jenis Akhbar : Kosmo Ahad

Tarikh : 31/03/2024

Edisi / Muka Surat : Nasional (12)

Tajuk : ANGKASA Sumbang Baucar RM100 Bantu Golongan Memerlukan

Angkasa sumbang baucar RM100 bantu golongan memerlukan

PETALING JAYA – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyalurkan sumbangan berbentuk baucar bernilai RM100 bagi pembelian barang keperluan menerusi Projek Barang Asas 100 (BA100) melalui Program CoopCare Rezeki Ramadan semalam.

Sumbangan itu diberikan kepada 70 kariah masjid di sekitar Kelana Jaya, 30 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permatamata dan 50 kakitangan Angkasa.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, program itu bertujuan membantu golongan asnaf, rentan dan kurang berkemampuan (B40) di sekitar Petaling Jaya.

Katanya, ia bersempena dengan penganjuran Karnival ANGKASAMart Kelana Jaya yang bermula 26 Mac sehingga hari ini.

"Projek BA100 merupakan inisiatif Angkasa dalam menawarkan barangan asas dengan harga perpatutan bagi membantu rakyat dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

"Ini juga adalah usaha Angkasa bagi mendapat sokongan penuh pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi," katanya



ABDUL FATTAH (tengah) bergambar bersama penerima baucar Projek BA100, Program CoopCare Rezeki Ramadan di ANGKASAMart Kelana Jaya, Petaling Jaya semalam.

pada Program Coopcare Rezeki Ramadan Angkasa 2024/1444H di ANGKASAMart Kelana Jaya, di sini semalam.

Selain itu, tiga buah rumah kebajikan turut menerima baucar

bernilai RM1,000 semalam iaitu Pusat Jagaan Rumah Nur Sakinah, Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia dan Persatuan Rumah Kebajikan Anak-Anak Yatim dan Ibu Tunggal (Hajah Kamariah).

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA